

Untuk bendung rusuhan kaum

ISA masih perlu: PM

Oleh **NASIR HASSAN**

KOTA BHARU, Jumaat Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) masih perlu kerana penguatkuasaannya bukan semata-mata disebabkan ancaman komunis tetapi juga bagi membendung rusuhan kaum, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu katanya, kerajaan masih belum membuat keputusan sama ada untuk memansuhkan akta itu atau tidak.

"Sebagai negara berbilang kaum, amat mudah timbulnya perasaan meluap yang boleh menyebabkan berlakunya ketegangan di negara kita.

Hampir tercetus

"ISA berkuatkuasa bukan semata-mata kerana ancaman komunis tetapi juga rusuhan kaum yang juga satu ancaman kepada negara ini. Kita terpaksa mengambil tindakan mengikut akta itu apabila timbul masalah perkauman," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, dekat sini pagi ini, sebelum berlepas ke Pulau Pinang.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dalam kenyataannya semalam berkata, kerajaan akan mengkaji semula akta itu berikutan kesediaan Parti Komunis Malaya (PKM) menamatkan kegiatan bersenjata mereka.

Perdana Menteri menarik perhatian, bahawa kerajaan terpaksa mengambil tindakan melalui akta itu dengan menahan ramai mereka yang terbabit apabila rusuhan kaum hampir tercetus pada 1987.

Katanya, kejadian itu tidak ada kaitan dengan komunis tetapi lebih berupa masalah perkauman dan agama menyebabkan ISA terpaksa digunakan.

"Apabila tindakan diambil, ketegangan itu hilang," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan mengenai kes seorang tentera yang sakit jiwa menembak mati dua orang hingga menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat terutama penduduk di Kuala Lumpur.

"Kita harus ingat ketika itu ada ibu bapa yang tidak menghantar anak ke sekolah kerana takut dan ada yang lari ke negara asing kerana cemas.

"Inilah yang menjadi panduan kepada kita mengapa akta itu perlu digunakan pada masa itu. Kita juga bimbang rusuhan kaum 13 Mei 1969 berulang jika tindakan tegas menyekatnya berlaku tidak diambil," tambahnya.